



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**FORUM PENGURUS-PENGURUS
ICT SEKTOR AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

26 JANUARI 2015 (ISNIN)

**DEWAN SERBAGUNA
ARAS 3, BLOK B1,
KOMPLEKS JPM PUTRAJAYA**

Terima kasih Saudara/i Pengacara
Majlis

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam
Kegemilangan dan Salam “1Malaysia:
Rakyat Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan”.

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti
Dzazali

Timbalan Ketua Pengarah (ICT)
MAMPU

Ketua–ketua Perunding ICT MAMPU

Pengarah-Pengarah Bahagian
MAMPU

Pengurus-Pengurus ICT Agensi-
Agensi Sektor Awam dan Negeri,

Pegawai-pegawai MAMPU

Yang Berbahagia Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya jua dapat kita berhimpun pada pagi ini sempena Forum Pengurus ICT Sektor Awam Bilangan 1/2015. Sesungguhnya hari ini merupakan satu lagi detik bersejarah apabila kita berjaya mengumpulkan Pengurus-Pengurus ICT daripada pelbagai kementerian dan agensi untuk berkongsi ilmu serta

pengalaman dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi transformasi penyampaian perkhidmatan Sektor Awam. Tahniah untuk Bahagian Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU.

2. Selaku penganjur forum, MAMPU mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan Pengurus ICT Sektor Awam, yang sudi hadir ke forum pada hari ini yang mencerminkan komitmen dan keazaman yang tinggi dalam usaha meningkatkan prestasi serta

menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berusaha Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

3. Forum Pengurus-Pengurus ICT Sektor Awam yang dijenamakan semula daripada Mesyuarat Pengurus ICT Sektor Awam merupakan satu wadah perbincangan, percambahan fikiran dan perkongsian ilmu berkaitan pelaksanaan ICT di agensi-agensi Sektor Awam. Saya difahamkan,

objektif program pada hari ini adalah untuk:

- (a) Berkongsi maklumat dan mendapatkan maklum balas Pengurus-pengurus ICT mengenai inisiatif ICT Sektor Awam yang sedang dilaksanakan serta isu-isu semasa;
- (b) Memberi pendedahan kepada program dan inisiatif ICT baru dalam usaha meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem

penyampaian perkhidmatan Sektor Awam; dan

- (c) Berkongsi idea dan mendapatkan input ke arah memantapkan lagi cadangan inisiatif ICT berimpak tinggi menjelang tahun 2020.

4. Sebanyak 3 kertas akan dibentangkan dalam forum kali ini iaitu:

- (a) Pemakluman **Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2014 mengenai Pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah**

Pembangunan Projek ICT
Sektor Awam (KWAICT);

(b) Kertas **Pertahanan Siber**
Kerajaan Digital pula akan membincangkan isu, cabaran dunia siber masa kini bagi memastikan kesiapsiagaan Kerajaan Digital dalam keadaan selamat dan terjamin dari sebarang pencerobohan; dan

(c) Kertas **Ke arah**
Perkhidmatan Mudah Alih

membincangkan mengenai merupakan trend terkini di mana maklumat boleh dicapai melalui aplikasi dalam-talian di hujung jari.

5. Manakala sesi bersama Timbalan Ketua Pengarah (TKP) ICT akan diadakan bagi membincangkan hala tuju ICT sektor awam menjelang tahun 2020 di bawah RMK11.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berusaha Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

6. Revolusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam perkhidmatan awam telah wujud sejak penubuhan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor* - MSC) pada tahun 1996. ICT memainkan peranan penting dalam mewujudkan perkhidmatan kerajaan yang bersepadu bagi membolehkan rakyat berinteraksi secara lancar merentasi pelbagai agensi. Perancangan yang rapi dalam pembangunan ICT Sektor Awam adalah signifikan bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan visi Kerajaan ke arah penyampaian

Perkhidmatan Awam yang cekap, berkualiti dan telus.

7. Penggunaan teknologi terkini merupakan kunci kepada peningkatan sistem penyampaian kerajaan dan produktiviti anggota perkhidmatan awam. Ini disokong oleh dapatan dari *Worldwide Governance Indicators* 2013 yang dikeluarkan oleh World Bank di bawah dimensi Keberkesanan Kerajaan (*Government Effectiveness*), di mana Malaysia telah mendapat skor 82% (diukur dalam skor peratusan) dan diletakkan di kedudukan yang baik di dalam senarai ini, setanding dengan

negara-negara seperti Taiwan dan Korea. Ini membuktikan dengan wujudnya infrastruktur teknologi maklumat dan automasi, ia dapat menyokong pencapaian tahap kecekapan Kerajaan yang mencabar.

“Implementation of information and communication technology (ICT) services and systems in organizations generally pose a lot of challenges that, if not properly addressed, lead to heavy investment without the corresponding organizational efficiency gain.”

8. Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan hala tuju yang jelas untuk merealisasikan hasrat mencapai status negara maju berpendapatan tinggi iaitu dengan pendapatan per kapita sebanyak USD15,000 pada tahun 2020. Agenda besar transformasi negara telah dimulai dengan Gagasan Perdana Agenda Transformasi Nasional iaitu Gagasan 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi

(MBE), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan selanjutnya Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang kemudiannya diperkemas lagi dengan pelbagai program transformasi ICT bagi meletakkan asas kukuh pembangunan negara dan memaksimumkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

9. Persekitaran masa kini dengan pelbagai cabaran yang kompleks, kesan daripada kepesatan teknologi serta perubahan sosial dan ekonomi sedunia menuntut sistem

penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif yang dapat memenuhi ekspektasi serta melangkaui kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Keadaan ini memberi kesan kepada penggunaan ICT, khususnya dengan sumber kewangan yang terhad serta keperluan modal insan yang berkualiti. Saya percaya dengan kehendak dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat, bermakna pengurus-pengurus ICT perlu lebih responsif dan kreatif melalui pelbagai inisiatif seperti 1GovNet, 1GovUC, 1GovCloud, Pusat Data Sektor Awam (PDSA) serta ke

arah pelaksanaan *Big Data/Open Data*.

10. Kita perlu menjadi lebih berani untuk berubah dan mencuba pendekatan penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dalam ICT bagi menepati kehendak senario baru. Budaya inovasi adalah sebahagian daripada gerakan transformasi sektor awam di samping menyokong agenda peningkatan daya saing negara.

“ICT creates an opportunity for change. All the challenges of the

organization need to be identified. Such use must go hand in hand with other measures that will ensure organizational transformation.”

11. Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan selaku Pengurus ICT perlu menyusun strategi dengan bijak bagi meningkatkan budaya inovasi yang rasional. Pemikiran di sebalik Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy* (BOS) boleh diaplikasikan dalam usaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Dalam

melaksanakannya, ianya pasti memerlukan perubahan minda dan perubahan kepada cara berfikiran tradisi yang kita sebut sebagai 'silo' di kalangan kita sebagai Penjawat Awam.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berusaha Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

12. Perkhidmatan ICT telah memberikan nilai tambah kepada urusan penyampaian perkhidmatan awam di mana prakarsa merakyatkan perkhidmatan awam dijadikan teras

utama kepada hala tuju ICT sektor awam. Bagi mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan Kerajaan, kepelbagaian saluran telah diwujudkan dengan memanfaatkan teknologi *mobile*. Ia ternyata mempermudah dan memperluaskan lagi capaian perkhidmatan Kerajaan di mana-mana dan pada bila-bila masa serta meningkatkan penggunaan perkhidmatan *online* kerajaan. Justeru itu, perlu ada kaedah untuk menguruskan maklumat (*Knowledge Management*) yang melibatkan empat proses iaitu:

- a) *Knowledge Creation / Acquisition;*
- b) *Knowledge Organization / Storage / Retention;*
- c) *Knowledge Sharing / Distribution / Transfer, dan*
- d) *Knowledge Application / Utilization.*

13. Inisiatif *Smart-government* adalah penglibatan rakyat serta libat urus bersama mereka untuk mendapatkan idea kreatif serta inovatif dalam usaha mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam seperti *e-Consultation* dan *e-Decision Making*.

Kementerian/Agensi merupakan penggerak utama kepada rakyat memainkan peranan penting dalam penggunaan ICT terkini. Ia seiring dengan ledakan ICT terutamanya melalui media/laman sosial yang merupakan trend antaramuka penyampaian perkhidmatan awam yang mudah dan pantas dalam membuat keputusan (*decision making*) yang memerlukan komunikasi secara interaktif dalam memartabatkan penyampaian perkhidmatan yang cekap, tepat dan pantas dan boleh bersifat *cost effective*. Sebagai peringatan:

“At the organizational level, it is widely accepted though not fully appreciated that the integration of ICT in organizational functions is necessary for increased efficiency, cost effectiveness and competitiveness. The tendency unfortunately has been, more often than not, to approach each integration from the technology perspective, leading to escalating cost without corresponding efficiency gains. This leads to disillusionment, scepticism and reduces organizational

commitment and resources to support ICT services and systems.”

14. Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan selaku Pengurus ICT di Kementerian /Jabatan/Kerajaan Negeri berperanan penting sebagai peneraju ICT yang merupakan rakan strategik MAMPU dalam menjayakan inisiatif-inisiatif ICT yang berimpak tinggi kepada pelanggan. Pelbagai usaha juga telah digembleng bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di mata dunia iaitu bagi memastikan kedudukan

Malaysia meningkat dalam kerjasama Kaji Selidik UN eGovernment bagi tahun 2016. Salah satu usaha yang dijalankan ialah dengan mengadakan sesi konsultasi dengan wakil UN untuk memberi penerangan mengenai kriteria-kriteria penilaian Kaji Selidik tersebut pada bulan Oktober 2014. Berdasarkan penjelasan wakil UN tersebut, penambahbaikan kepada Portal myGovernment dan agensi-agensi tertentu sedang dilaksanakan berdasarkan *quickwins* yang telah dikenal pasti.

15. Saya juga difahamkan pada sebelah petang diadakan perbincangan Kumpulan Fokus yang akan membincangkan mengenai Pengukuhan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT), Cadangan Pusat Data Negara, Hala tuju 1GovUC dan Rangka Kerja Pembangunan Keupayaan Pegawai Teknologi Maklumat Sektor Awam. Ambillah peluang dan kesempatan ini untuk memberikan komen, pandangan serta cadangan yang bernas bagi penambahbaikan kepada hala tuju ICT Sektor Awam.

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berusaha Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

16. Adalah diharapkan, forum ini akan memberi kefahaman, kesedaran dan kerjasama antara semua pihak Pengurus ICT Sektor Awam untuk berbincang bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

17. Saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato'-Dato', tuan-

tuan dan puan-puan yang sudi hadir bagi menjayakan Forum hari ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmahnirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Pengurus ICT Sektor Awam Bilangan 1 Tahun 2015.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.